

UMSKAL anjur kursus persediaan pelajar ke Timur Tengah

DE 25.5.2017 3
LABUAN: Laluan bagi lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang berhasrat melanjutkan pelajaran ke pelbagai institusi pengajian tinggi di Timur Tengah dipermudahkan dengan mengikuti Kursus Persediaan Pelajar Ke Timur Tengah pada 10 hingga 14 Julai ini.

Setiausaha penganjur, Siti Nurul Aishah Abdul Hamid berkata kursus itu akan berlangsung di Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) bermula pada jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang sepanjang lima hari.

"Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan peserta kepada persiapan ilmu, kemahiran, mental dan fizikal untuk menghadapi kehidupan dan juga mengenali budaya masyarakat di negara timur tengah," kata Nurul Aishah.

Nurul Aishah selanjutnya menjelaskan, sepanjang kursus, peserta dapat mempraktikkan kemahiran komunikasi Bahasa Arab sebab itu peserta yang mendaftar hendaklah lulus Bahasa Arab peringkat SPM sebagai kriteria asas melanjutkan pelajaran ke negara

Timur Tengah.

Menurut Nurul Aishah, kursus anjuran Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) UMSKAL itu menjadualkan pelbagai tajuk yang diharap dapat mempersiapkan lepasan SPM untuk mengikuti pengajian tinggi di pelbagai institusi di Timur Tengah.

Kursus akan dibimbing oleh Pensyarah Kanan Bahasa Arab PPIB UMSKAL, Dr. Nurulasyikin Binti Muda yang memperoleh Ph.D dari Universiti Wise, Jordan.

Terdapat enam tajuk yang akan ditawarkan sepanjang kursus lima hari meliputi pendedahan mengenai universiti-universiti yang terdapat di Timur Tengah dan pengkhususannya, pengenalan komunikasi dialek Timur Tengah, budaya komunikasi dialek di Timur Tengah, undang-undang keselamatan dan hubungan diplomatik, kesihatan dan kewangan, peluang kejayaan dan pengalaman baharu.

Sebarang pertanyaan boleh berhubung kepada Nurul Aishah di talian 0178137033 atau emel snaishah@ums.edu.my.